



- |  |
|--|
| <p><b>1. TUKANG UBAT TERLATIH</b><br/><b>JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI</b><br/><b>KEMENTERIAN KESIHATAN</b><br/><b>M.6 [\$1,540 - \$1,850 SEBULAN]</b><br/><b>KEKOSONGAN = 11</b></p> |
|--|

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. BDTVEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Teknisyen Farmasi atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

2. Mempunyai Sijil Tukang Ubat atau kelulusan sebanding serta mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan dengan Tukang Ubat tidak kurang dari 3 tahun.
3. Berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan tidak lebih 45 tahun.

**LAIN-LAIN SYARAT:**

Bersedia bertugas secara bergilir (*shift*) sepanjang 24 jam dan diataskan bertugas dimana-mana perkhidmatan Hospital atau Pusat Kesihatan atau Klinik Kesihatan di seluruh Negara sebagaimana yang diarahkan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TUKANG UBAT TERLATIH:**

1. a) Calon yang berjaya ini akan ditempatkan di salah satu bahagian di Jabatan Perkhidmatan Farmasi seperti yang disenaraikan di bawah:-
  - I. Bahagian Perkhidmatan Farmasi Hospital.
    - Unit Dispensari Pesakit Luar.
    - Unit Dispensari Pesakit Dalam.
    - Unit Farmasi Klinikal seperti Farmasi Onkologi.
  - II. Bahagian Perkhidmatan Farmasi Komuniti.
  - III. Bahagian Pengeluaran Ubat Farmaseutikal.
  - IV. Bahagian Kawalan Mutu Ubat.
  - V. Bahagian Penguatkuasaan Farmasi.
  - VI. Bahagian Penerangan Ubat dan Racun.
  - VII. Bahagian Pendaftaran Ubat.
  - VIII. Bahagian Pembelian Ubat.



- b) Penempatan tertakluk kepada kehendak Perkhidmatan dan kelayakan atau pengalaman tambahan yang ada pada calon-calon.
1. Calon-calon akan menjalankan tugas di bahagian atau unit masing-masing dalam memastikan kelancaran perkhidmatan bahagian / unit berkenaan, Kegiatan-kegiatan yang dipertanggungjawabkan adalah seperti berikut:-
    - I. Menyediakan dan melabel ubat-ubatan mengikut preskripsi Pegawai Perubatan dan memberikannya kepada pesakit-pesakit berkenaan serta memberi penerangan-penerangan berkaitan mengenai ubat-ubatan berkenaan.
    - II. Membuat pemeriksaan '*double-checking*' ke atas preskripsi dan ubat-ubat yang telah di sediakan oleh Teknisyen Farmasi sebelum di berikan kepada pesakit-pesakit berkenaan.
    - III. Memberikan penerangan atau maklumat mengenai penggunaan ubat dan seterusnya memberi latihan kepada pesakit.
    - IV. Membuat persediaan ubat-ubatan '*extemporaneous*' seperti yang di perlukan dari semasa ke semasa.
    - V. Menjaga kebersihan kaunter kerja, 'sink' dan rak-rak ubat.
    - VI. Memeriksa rak-rak ubat bagi memastikan stok adalah mencukupi dan mengisinya bila diperlukan.
    - VII. Mengawal stok ubat-ubatan dalam Farmasi.
    - VIII. Membekalkan ubat yang diperlukan kepada wad-wad, klinik-klinik dan hospital-hospital daerah.
    - IX. Membuat pemeriksaan ke atas ubat-ubat yang di simpan di wad-wad.



2. Memeriksa dan memastikan semua obat-obatan di tempat masing-masing tidak mansuh dan seterusnya mencatat mana-mana yang telah mansuh.
  3. Mengawas dan menyelia pembungkusan semula obat-obatan.
  4. Membantu Pegawai Farmasi, Ketua Teknisyen Farmasi dan Teknisyen Farmasi yang lebih kanan dalam memberi panduan tata kerja kepada Teknisyen Farmasi dan Teknisyen Farmasi Pelatih.
  5. Bersedia untuk menerima arahan dan menjalankan tugas yang berkaitan dengan kerja seperti yang di berikan oleh Pegawai Farmasi, Ketua Teknisyen Farmasi dan Teknisyen Farmasi yang lebih kanan di semua peringkat di unit berkenaan.
- c) Bertanggungjawab terus kepada Pegawai Farmasi, Ketua Teknisyen Farmas dan Teknisyen Farmasi yang lebih kanan di unit masing-masing.
- d) Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang akan diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.